

IV. BAGAIMANA AWDA BOLEH MEMBANTU DI DALAM MENJAGA KHAZANAH SUMBER MARIN KITA?



Jangan gunakan alat-alat menangkap ikan yang boleh membinaaskan kawasan-kawasan pembiakan, antaranya seperti penggunaan racun sianida dan penggunaan bahan-bahan letupan;



Jangan merosakan terumbu-terumbu karang kerana ia akan mengakibatkan kemusnahan habita hidupan sumber marin;



Hindari daripada menangkap anak-anak ikan kecil bagi memberikan peluang anak-anak ikan ini membesar dan meningkatkan produktifiti di kawasan penangkapan ikan;



Jangan cemari alam sekitar marin yang banyak memberikan sumbangan yang besar kepada sumber marin kita dengan membuang sampah sarap.



UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

DIVISIEN PERKEMBANGAN DAN
PENGURUSAN PERIKANAN MARIN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TELEFON:

2770066 / 2770067 / 2770068

FAKS:

2771063 / 2770065

E-mail : info@fisheries.gov.bn



CAWANGAN – CAWANGAN JABATAN PERIKANAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ibu Pejabat

Tel : **2770066 / 2770067 / 2770068**

Pejabat perikanan Tutong

Tel : **4221331**

Pusat perikanan Belait

Tel : **3331852**

Pejabat Perikanan Temburong

Tel : **5221468**

Diterbitkan oleh

Jabatan Perikanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan

PERLAKSANAAN PENGANTUNGAN SEMENTARA AKTIBITI MENANGKAP IKAN DI KAWASAN ZON 1



I. PENGENALAN :

Kawasan menangkap ikan Zon 1 telah diterokai oleh nelayan-nelayan kecil-kecilan sejak sekian lamanya bagi menampung sara hidup sekeluarga. Ikan-ikan yang ditangkap ialah dengan menggunakan alat-alat menangkap ikan tradisional antaranya ialah ancau, tugu, kilong, selambau, lintau, pukat kembura/kuasi, rambat dan rantau.

Kawasan zon 1 ini ialah kawasan antara persisiran pantai sehingga ke 3 batu nautika termasuk kawasan teluk Brunei dan merupakan kawasan yang terpenting kerana disinilah terdapatnya kawasan-kawasan pembiakan ikan dan udang. Sejak kebelakangan ini, operasi nelayan kecil-kecilan telah berkembang, dengan peningkatkan bilangan nelayan-nelayan, penggunaan alat-alat moden seperti *Global Positioning System* (GPS) dan *Fish Finder* dan melalui pertukaran taraf perusahaan kecil-kecilan kepada komersil di bawah operasi syarikat.



II. STATUS DI KAWASAN ZON 1

Daripada pemantauan berterusan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan, telah mendapat bahawa potensi sumber perikanan telah menurun, terutama di kawasan Zon 1. Beberapa faktor yang telah dikenalpasti menyumbang kepada penurunan sumber perikanan ini antaranya :

- Keupayaan menangkap ikan yang berlebihan, di mana penggunaan bilangan alat-alat menangkap ikan telah melebihi had maksimanya;
- Alat-alat menangkap ikan yang digunakan mempunyai mata pukat yang kecil iaitu antara 6mm hingga 25mm yang mana besar kemungkinan, tertangkapnya anak-anak ikan dan menghalang pembesaran ikan tersebut.

Apabila ini terjadi ditambah eksplosi yang berlebihan di Zon 1 dan tidak terkawal, maka terjadilah ketidak seimbangan sumber dan ketiadaan "sustainability" keatas sumber itu lagi.

Kearah itu, Jabatan Perikanan telah mengambil langkah untuk menguatkuasaan Pengantungan Keatas Operasi Menangkap Ikan Di Zon 1, mulai 1 Januari 2008 sehingga sumber perikanan kembali pada tahap yang diharapkan atau seperti sediakala.



III. APAKAH TINDAKAN-TINDAKAN DI DALAM PENGANTUNGAN KE ATAS OPERASI MENANGKAP IKAN DI ZON 1?

- Pemindahan nelayan-nelayan bersyarikat yang menggunakan pekerja asing dari Zon 1 ke Zon 2;
- Pembekuan pengeluaran lesen alat-alat menangkap ikan baru dan telah melebihi had seperti:

Ancau	Andang
Bubu	Lintau
Pukat	Duai/Panau
Pukat Ambit/Kikis	Andang Jarang
Pukat Kembura/Kuasi	Rambat
Selambau	Tugu

- Menempatkan nelayan-nelayan sambilan yang baru dan pemohon-pemohon yang bersyarikat ke Zon 2.

